

**ORANG ASING DALAM KELOMPOK**

*Sang Pengukir  
mengukir seujur tubuh  
membentuk sekeping hati  
dengan  
kesungguhan  
tangan digerak  
dengan  
telaten  
jari ditari  
memberi diri  
sekeping kayu jati*

*Ya Rabb!*

Pembentuk jatuh, tersungkur. Pembentuk memandang ke arah mereka yang telah menendangnya. Mereka mengunjuk-unjuk dan mentertawakannya...

Pembentuk terasing dalam Kelompoknya sendiri. Pembentuk tak mengerti mengapa begitu. Dia bukan Orang Asing.

Wajahnya wajah manusia, darahnya yang mengalir darah merah, rambut dan matanya sewarna dengan rambut mereka yang dilahirkan dalam Kelompoknya...

Segala yang zahir kelihatan sama.

Orang-orang Tua Kelompok ada berkata,

*Rambut sama hitam. Hati lain-lain.*

Bijak sungguh orang-orang Tua Kelompok.

## GOLDEN POINT AWARD 2005

Hati mempunyai maksud yang berbeda-beda. Hati boleh bermakna gambaran perasaan, bentuk pemikiran, apatah lagi gelombangfikir...

Gelombangfikir.

Sesuatu yang tidak zahir, tidak lahir, tidak telus atau terjangkau mata kasar.

Gelombangfikirnya tinggi. Dia berfikir di gelombangfikir yang lebih tinggi dari Kelompoknya. Dia dapat melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh mereka yang di dalam Kelompoknya.

“Cukuplah desas-desus yang aku dengar! Kau kan Tenaga Pengajar! Ajar ajelah! Lakukan tugas kau! Bukan buat kerja lain!” Wakil Puak Atas mengakhiri evaluasinya terhadap prestasi Tenaga Pengajarnya.

Pembentuk menyuarakan rasa hatinya kepada Wakil Puak Atas. “Aku tak anggap diri aku Pengajar! Aku Pembentuk!”

“Pengajar! Pembentuk! Ah! Apa bezanya!” Jerkah Wakil Atas. “Masuk Bilik Ajar, kau ajar apa yang patut, kau buat anak-buah menjadi faham apa yang diajar! Itu aje! Dengarlah sikit apa yang aku cakap. Aku dah lama jadi Tenaga dalam Kelompok, tahu? Aku dah biasa. Aku jugak yang ajar engkau sampai kau jadi Tenaga pulak.”

Pembentuk berdiam sejenak. Akhir-akhir ini, hatinya kerap memberontak.

Hidup berlandaskan sesuatu falsafah yang disedari atau tidak.

### ***“Bab 1: Teori FALAK***

#### ***Unit 1 - Kefahaman Dan Makna***

*(ditukil dari buku “Perekacipta”, tulisan Pembentuk, bagi tesis Pembangunan Insan dalam Kelompok)*

## GOLDEN POINT AWARD 2005

*Aktiviti Pra-baca:*

*Fikir: "Hidup ini ialah..."*

*Teori FALAK mengetengahkan pentarbiahan insan melalui pembangunan tiga unsur utama.*

*Pertama: Falsafah.*

*Setiap Individu ada falsafah untuk dirinya sendiri samada Individu sedar atau tidak.*

*Pembentukan falsafah Individu dipengaruhi oleh persekitaran di mana individu dilahirkan. Individu akan terkesan dengan pembudayaan budaya Kelompok tetapi yang paling penting, pembudayaan falsafah Keluarga Individu samada persekitarannya memupuk falsafah positif atau negatif.*

*Contoh 1: Kanak-kanak belajar berbohong kerana sudah berpegang pada falsafah bahawa sekiranya dia tidak sengaja berbuat salah dan mengaku, dia akan dimarahi dan dipukul. Lebih baik, dia berbohong dan mengaku tidak bersalah dan terselamat dari dimarahi dan dipukul. Falsafahnya: Berkata benar mendatangkan kemarahan, berbohong mendatangkan keselamatan!*

*Individu harus secara sedar memahami Falsafah apa yang dipegangnya kerana Falsafahnya itu akan mendefinisikan kehidupannya sepanjang hidup!*

*Kerana itu, sekiranya Individu percaya bahawa hidup ini tidak mempunyai tujuan dan makna, maka kehidupannya tidak akan mempunyai tujuan dan makna.*

*Mudah tetapi berat dihayati."*

Pembentuk berfalsafah bahawa sebagai dia Pembentuk yang harus membuka ruang dan jalan kepada Anak Buah supaya mencapai potensi yang paling optima. Malangnya, Kelompok gemar mentertawakan falsafah kerana menyangka ianya di atas angin, tidak berlandaskan bumi realiti, tetapi sebenarnya falsafah berada di dalam setiap denyutan nadi, setiap degupan jantung, setiap tarikan nafas. Setiap seorang yang bernama insan itu ada falsafah dalam hidup. Falsafah menjawab persoalan

## GOLDEN POINT AWARD 2005

mengapa Individu melakukan sesuatu. Ia menerangkan atas dasar apa, landasan apa Individu beraksi dan bereaksi.

Pemikiran Pembentuk memanjat gunung. Kelompoknya masih memandang tanah. Dia akur bahawa dia bermula dari tanah juga tetapi kerana minda dan jiwanya yang bersifat kelana, dia sanggup mendaki gunung dan dia ingin membawa lebih ramai bersamanya untuk mendaki gunung...

Jika mereka tidak bertapak, bagaimana harus mereka tahu mereka boleh berjalan, apatah lagi berlari, bagaimana untuk mendaki!

Dia hanya ingin melakukan yang terbaik... yang difikirkannya terbaik... Dia tahu apa yang dilakukannya itu baik kerana hasilnya menjadi baik... Anak-anak buahnya memanjat gunung fikir yang tinggi yang tidak pernah tercapai oleh anak buah Orang lain... Jadi, mengapa Kelompoknya begitu kritikal terhadap apa yang dilakukannya? Mengapa mereka lebih rela duduk di takuk pemikiran yang mundur?

Apa guna anak-anak buahnya tahu apa yang diajarnya, tetapi tidak dapat difahami dan dihayati, apatah lagi mengamalkan apa yang dipelajarinya. Apa guna ilmu yang mereka perolehi setakat divedok dalam Bilik Ajar, kemudian dituang ke dalam Kertas Penilaian, tapi apa yang divedok langsung tak praktikal dan tak boleh digunakan dalam kehidupan mereka seharian!

Teori mesti disertakan dengan amali! Itu prinsipnya.

“Apa guna memberi teori tanpa amali?” Dia menyoal Wakil Atas. “Apa guna mengajar tetapi maklumat setakat tersekat di dalam Bilik Ajar? Maklumat tanpa makna tidak mendatangkan manfaat, apatah lagi memberi manfaat. Maklumat setakat maklumat, tidak menjadi ilmu yang memaknakan kehidupan.”

“Kenapa kau fikir sedalam itu?” Soal Wakil Atas. “Kau kena ajar teori, ajar ajelah! Kita nak kena ajar Anak Buah supaya mereka tahu mencari rezeki. Mereka akan jadi Pencari Nafkah. Jadi, itu

## GOLDEN POINT AWARD 2005

yang penting! Yang paling penting! Lagipun, kalau nak memberi Makna Hidup, kita ada khusus Pelajaran Agama, jadi kau nak apa lagi? Kau kan tak ajar Pelajaran Agama... kenapa kau pulak yang sibuk?"

Pembentuk menggeleng kepala, tidak bersetuju bahawa Pelajaran Agama dalam format masakini memadai untuk anak Buah mengupas makna Kehidupan Abad 21.

### ***“Bab 1: Teori FALAK***

*(Ringkasan Unit 2: Akhirtuju, Buku Perekacipta oleh Pembentuk)*

*Unsur kedua yang sangat penting dalam teori ini ialah Akhirtuju.*

*Dalam apa pun yang dibuat oleh Individu, mindanya harus memvisualisasikan akhirtuju, dikenali juga sebagai matlamat, tujuan, maksud. Individu harus tahu apa yang diinginkan, diimpi, didamba. Sekiranya Individu tidak tahu, dia tidak akan mencapai potensinya yang sebenar. Oleh itu, Individu perlu berani menjelajah ruang and peluang, berani mencuba, berani mengambil risiko supaya Individu menjadi Tahu apa yang ingin dicapainya, memberinya arah tujuan yang akhirnya akan memberinya makna.”*

“Pelajaran Agama yang seminggu sekali tu?” Pembentuk bertanya keras. “Yang kita ajar mereka solat, kita paksa mereka berpakaian dengan unifom Budaya Kelompok tanpa melihat kepada konteks realiti mereka yang hanya berpakaian sedemikian pada Hari Kebesaran Kelompok, hanya kerana struktur pembelajaran harus seragam semuanya dan ... lepas tu, kita terperanjat kenapa di luar

## GOLDEN POINT AWARD 2005

aurat terbuka, mereka berpegangan tangan.... Bila diuji dalam Ujian Penilaian, do'a Iftitah pun masih tak tahu baca... Kekadang, alif ba' ta' tak lepas lagi... itu yang kita nak?"

"Itu bukan masalah kau!" Wakil Atas membantah keras.

"Bukan. Ini masalah Kelompok." Kata Pembentuk. "Kita nak Kelompok kita maju. Tapi kita tak tahu apa asal-usul masalah dalam Kelompok... Kelompok kerap bergerak membetulkan masalah dengan menebang pokok tanpa memeriksa akar. Segala penyakit disapu minyak angin tanpa diperiksa apa punca penyakit....Tapi, aku tak nak ke situ... Aku bukan Pemimpin yang dapat mempengaruhi Kelompok dalam serba-serbi kehidupan. Walaupun, aku lihat Pihak Kepimpinan sudah mula berwibawa dan pandang jauh ke hadapan... Tetapi untuk meimplementasikan apa yang mereka inginkan dan impikan akan mengambil masa yang lama... Tidak, aku tak mahu ke situ.... Aku hanya Tenaga Pengajar yang dapat mempengaruhi pemikiran anak-anak Kelompok hari ini, jam ini, saat ini. Cukuplah setakat aku tahu dan memahami masalah anak-anak buah aku aje... Itupun supaya aku dapat mengajar dengan lebih berkesan lagi...Kau fikirlah, mereka pulang ke rumah yang kosong, ibu-bapa tiada atau keluar bekerja atau memang tak peduli, mereka dihinggapi berbagai masalah ..."

"Tetapi itu bukan masalah kau..." Wakil Atas mengulangi pendapatnya.

"Masalah Kelompok ialah masalah aku." Rendah suara Pembentuk, serius. "Masalah kita semua. Lebih-lebih lagi, kita Tenaga. Jika anak Buah kita gagal, mereka akan menambah kepada statistik kelompok yang gagal. Aku ingin anak Buah kita berjaya, kemudian menyumbang tenaga kembali kepada kejayaan individu lain dalam Kelompok. Bukankah itu yang kita harapkan? Kejayaan individu yang menggambarkan kejayaan Kelompok, memberi inspirasi kepada individu lain, lantas, membakar semangat untuk berusaha terus, membuka jalan dan ruang untuk individu seterusnya menjadi yakin dan..."

## GOLDEN POINT AWARD 2005

Wakil Atas memotong, “Kami ingin mereka berjaya dalam Penilaian Akhir. Kami ingin mereka berjaya dalam Subjek. Kami ingin mereka mendapat markah terbaik dan menjadi pelajar terbaik, mewakili Pusat Ajar.”

“Cukupkah setakat itu?” Tanya Pembentuk, cuba untuk mengerti bagaimana mengajar tanpa mengira dimensi Jiwa anak buah.

“Macam aku cakap tadi. Tugas kau masuk Bilik Ajar, ajar. Itu aje. Mudah, kan?” Wakil Atas melipat lengan dan menyandar di kerusi.

“Tak semua anak Buah yang mahir dalam Subjek.”

“Itulah tugas kau yang utama, sepatutnya. Memahirkan mereka.”

“Tidak semudah itu.” Jawab Pembentuk. “Persoalannya terlalu luas... pertama sekali, aku harus menilai setakat mana kefahaman mereka sebelum membawa mereka kepada pemahaman yang lebih tinggi.

Kedua, aku perlu tahu apa yang boleh membuat mereka faham.

Ketiga, aku tak mahu mereka setakat faham! Aku mahu mereka dapat menggunakan apa yang mereka faham dalam kehidupan mereka! Baru bermakna apa yang mereka faham!”

“Lagi-lagi kau sebut soal makna...”

“Kefahaman dan makna itu terlalu bertaut. Bilamana sesuatu tidak bermakna, sukar membentuk kefahaman, apatah lagi kemahiran dan seterusnya penguasaan penuh.”

### ***“BAB 3: Teori FALAK Dan Dimensi Kemahiran***

*(Ringkasan Unit 2 – Kunci Pembuka Mahir)*

## GOLDEN POINT AWARD 2005

*Seperti yang dikatakan di dalam Bab 1, Unit 3 sebelum ini, Kunci ialah segala-galanya. Kunci membuka pintu ilmu. Kunci membuka ruang dalam minda. Kunci membuka jalan kepada kefahaman. Segala-galanya akan tercapai dengan kunci. Kerana itu, Kunci perlu dicari.*

*Kunci kedua ini ialah Kunci Pembuka Mahir telah sedia ada dalam diri individu tetapi perlu dicari oleh Individu sendiri atau sesiapa yang berminat menjelajah alam minda Individu.*

*Untuk melihat jasad manusia memadai dengan mata kasar. Tetapi mengintip zarah memerlukan mikroskop canggih. Begitu pula, untuk mengkaji bintang, insan memerlukan teleskop besar. Lebih besar, lebih terang pendetailan yang dapat dilihat.*

*Lensa yang digunakan untuk melihat setiap jisim sangat berbeza.*

*Oleh itu, seperti yang diterangkan dalam Unit 1, Kunci Keadaan, untuk menemukan Kunci Mahir ini harus gunakan pula kunciskop.”*

Pembentuk berhujah terus. “Setiap Anak Buah berbeza. Kita tidak boleh mengharapkan bentuk Bintang sekiranya acuannya berbentuk segitiga. Kita kena tahu bentuk acuannya dan membantu supaya yang terlahir dan terhasil adalah bentuk yang paling sempurna untuk acuan tersebut.”

“Acuan?” Wakil Atas mengerut kening.

Pembentuk tersenyum. “Macam gini. Setiap anak Buah mempunyai cara Kefahaman berbeza. Untuk memberi Faham, aku harus tahu Kunci yang membuka minda mereka supaya semuanya faham apa yang ingin aku sampaikan. Aku bagi contoh. Ingat cerita Helen Keller yang aneh dan istimewa. Bayangkan kehidupan kita dari lahir yang gelap, sunyi sepi... tidak memahami erti... tidak mampu menafsir makna kehidupan... dia memerlukan seseorang untuk membuka Kunci Mahirnya yang membuka jalannya kepada kefahaman tentang segala-galanya... Cuba kalau dia diajar dengan cara biasa, dengan buku dan syarah, dia tidak akan menerima satu apa pun...”



## GOLDEN POINT AWARD 2005

Pembentuk teringat anak Buahnya yang ramai itu. Mungkin mereka tidak istimewa Helen Keller tetapi mereka tetap mempunyai keperibadian yang istimewa. Ada yang sememangnya tak boleh duduk diam di dalam Bilik ajar, ada yang diam sediam-diamnya, ada yang banyak cakupannya dari buat dan bermacam-macam lagi. Belum lagi, yang buang tabiat dan langsung tidak hormat kepadanya. Tetapi dia berjaya menarik perhatian mereka. Dia berjaya kerana rajin mencari setiap Kunci Mahir. Tetapi lebih dari itu. Segala-galanya mesti dikaji dari Kunci Keadaan kepada Kunci Mahir kepada segala profil tren masakini. Segalanya mesti dilakukan dengan ilmu. Bukan setakat masuk Bilik Ajar dan ajar.

Pembentuk meneruskan. “Tapi, tapi, aku akur... Kekadang, ada gangguan yang menyebabkan hasil kita tersasar dari apa kita harapkan... Di sini, sebagai Tenaga, tugas aku mengisi keperluan. Aku harus ajar apa yang mereka benar-benar perlu, mengikut keperluan masa dan keadaan. Bukan apa yang Objektif Pengajaran kata mereka perlu. Aku perlu mengikut rentak mereka dulu, sebelum menarik mereka mengikut rentak aku... Aku kena kenal rentak mereka... Aku kena mendalami rentak mereka... sebab itu yang aku banyak berinteraksi dengan mereka diluar Bilik Ajar... Aku dalam masalah anak-anak buah. Aku faham tabiat mereka dan mengapa tabiat itu terjadi... kita tak perlu tahu soal Jiwa, yang kita hanya harus tahu perasaan kasih sayang dan belas ihsan...”

“Tapi, takkanlah kau nak sayang seribu orang! Seribu anak buah?” Wakil Atas membantah.

“Sebab tu, aku perlukan bantuan! Aku tak boleh melakukan perkara ini sendiri!”

Wakil Atas terdiam, terfikir.

“Setiap dari kita patut memberi sokongan kepada anak-anak buah! Mereka terpinggir sebenarnya! Baik dalam Agama atau serba-serbi lain untuk menghadapi kehidupan! Mereka tiada sokongan...Akulah yang jadi penyokong mereka... Mereka selalu mencari aku samada untuk meluahkan masalah atau mengingin pimpinan agama... mereka tahu aku faham mereka, mereka tahu aku inginkan

## GOLDEN POINT AWARD 2005

yang terbaik untuk mereka... Mereka percaya pada aku. Memang mereka belajar Asas-asas agama tapi dalam konteks realiti hari ini yang penuh dengan kemunggaran, mereka perlukan dahan yang kuat untuk berpaut, kalau tidak, mereka akan tenggelam dalam bah dunia digital ini..."

"Hmmm," Wakil Atas berfikir sesaat sebelum berkata, "Kau seorang saja dalam apa yang kau buat ni. Orang lain takkan sanggup buat apa yang kau buat. Yang penting bagi kau ialah menghabiskan urusan pengurusan yang lain juga, lebih-lebih lagi pengurusan kertas... Itu yang akan menentukan samada kau buat kerja atau tidak." Wakil Atas mengingatkan.

"Tentulah! Aku tahulah tugas asal aku." Cepat Pembentuk menjawab. "Aku tidak mengabaikan Objektif Pengajaran secara langsung sebab aku sedar aku Pengajar Subjek. Malah, aku telah banyak membantu memperbaiki prestasi Subjek anak-anak buah aku dengan sebab aku memahami mereka dulu. Dan aku akan teruskan apa yang aku buat demi untuk kejayaan anak Buah aku, baik dalam Subjek atau dalam kehidupan."

Wakil Atas menyemak fail di atas mejanya dan mengutarakan pokok persoalan yang sebenar yang ingin disampaikan Puak Atasan kepada Tenaga Pengajar yang ungal itu. "Tetapi kau selalu lewat menyelesaikan pengurusan kertas seperti laporan dan kertaskerja mingguan yang diminta."

Pembentuk mengetap bibir. Memang dia sedar dia sering terlewat. Kesibukannya menyelam isi hati anak buah sering menjadikannya lelah untuk menyiapkan laporan yang entah dibaca entah tidak oleh Puak Atasan. Dia bertambah lelah kerana setiap pengisian kerja untuk Rancangan Pengajaran difikirnya dengan serius, setiap projek difikir secara serius. Segala-galanya serius dan mengambil masa yang lama baginya. Walaupun dalam Bilik Ajarnya kerap kedengaran gelak ketawa, sebenarnya, segalanya serius baginya. Proses Pembentukan adalah sesuatu yang serius baginya.

Dia cuba memberi asbab yang kuat. "Aku memandang serius terhadap segenap tugas aku, seremeh mana pun. Aku memikirkan Peta Pelan aku secara serius. Kertas Penilaian aku kaji secara

## GOLDEN POINT AWARD 2005

serius, sebab aku akan fikirkan keperluan anak-anak buah! Keseriusan itu yang membuat aku sering terlewat. Tambahan pula, bagi aku, mengisi keperluan Pembentukan mereka itu sendiri lebih lagi penting dari mengisi kertas kerja yang entah-entah hanya rangka pelan yang tidak dilaksanakan!”

Memang diketahui ada sebahagian Tenaga yang lain membuat kertas kerja sekadar untuk mengisi kertas kerja tetapi tidak melakukan apa yang dirancangnya, atau tugas mengajarnya itu sendiri tidak berkualiti, tidak difahami oleh anak buah dan sering membuat anak buah semakin tidak suka kepada Subjek dan yang paling serius, anak Buah menjadi bosan dan mengambil ringan proses pembelajaran. Malahan, ada Tenaga yang lebih gemar bercerita tentang hal hal peribadi atau tentang orang lain, malahan, ada yang memburuk-buruk Tenaga yang lain dalam Bilik Ajar, mencucuk-cucuk anak buah supaya belajar erti benci.

Lagipun, Organisasi Pengajarannya tidak dikendalikan di bawah Kepemimpinan Pucuk. Mereka beroperasi secara bebas. Dia berminat menjadi Tenaga disitu kerana kebebasan itu. Dia boleh lebih kreatif melakar sesuatu rancangan pembelajaran dan lebih bebas membentuk kerana tidak tertakluk kepada mana-mana sukatan. Jadi, mengapa mereka harus tertakluk kepada kertas kerja yang sama?

Baginya, tak mengapalah segala kertas-kertas yang harus disediakan lewat asalkan dia mengerah tenaga mencurahkan ilmu dengan sungguh-sungguh dan penuh prihatin daripada kertas kerja yang diserahkan awal tapi Tenaga Pengajar mengajar asal boleh. Tapi dia silap. Itu kelemahannya. Dia akan disedarkan tak lama lagi. Kertas kaku mati lebih penting dari manusia yang hidup dan bernafas.

Wakil Atas mengambil nafas panjang. “Aku nasihatkankau. Jangan bagi asbab untuk orang lain membuat aduan kepada Atasan tentang engkau. Jangan susah-susahkan diri sampai jadi buah mulut orang.”

## GOLDEN POINT AWARD 2005

“Aku tak peduli apa kata orang. ” Kata Orang Asing, tegas. “Aku tahu aku berkesan. Aku akan buat apa yang aku perlu buat. Aku sudah berazam. Selain dari itu, aku berserah kepada Rabb menentukannya.”

### **“EPILOG TEORI FALAK**

*Falsafah*

*Akhirtuju*

*Kunci*

*FALAK*

*Bila siang, hilang, tenggelam dalam terang. Bila malam, bermakam, menyinar balik kelam.*

*Dari jauh kelihatan kecil, bila hampir, sebenarnya, bebola api.*

*Untuk mengetahui, perlu dikaji. Besar, kecil, suhu, warna dengan menggunakan alat yang betul.*

*Apatah lagi Falak Manusiawi.*

*Hati: Tahu APA hasrat yang ingin dibuat.*

*Minda: Kaji MENGAPA membuat apa yang dibuat.*

*Mata: Lihat tepat KEMANA nak dibawa dengan apa yang dibuat, jadi APA di akhir kalam.*

*Seluruh Anggota: BAGAIMANA untuk membuat apa yang dibuat supaya mengecapi maksud dan matlamat, supaya individu benar-benar dapat tiba di destinasi.”*

Mulanya, dia terus melakukan apa yang dirasanya patut. Dia harus memberi Faham. Hanya Rabb yang Esa saja mengetahui bagaimana payahnya dia nak memberi Faham sekiranya anak buah tak mahu faham atau sukar nak faham... Dia harus tahu bagaimana nak memberi Faham dengan

## GOLDEN POINT AWARD 2005

memahami bagaimanakah kefahaman anak buah terbentuk, supaya dia dapat membentuk semula kefahaman mereka.

Wakil Atas telah memberi amaran. Dia tidak menghiraukannya.

Tenaga Pengajar dan anak buah yang lain yang iri dengan kejayaannya memupuk benih negatif kepada Orang Atasan dan Orang Ramai Kelompok...

Mulanya dia tidak peduli sehinggalah terbetik benci dalam hati anak buahnya yang menjadi bingung kerana diapi-apikan... Hatinya remuk.

Mereka khilaf.

Dia manusia. Pasti tersilap langkah. Pasti tersalah gerak. Pasti ada yang kurang. Dia seharusnya diberi peluang untuk belajar dari kesilapan. Memang dia bersalah kerana melawan peraturan. Dia harus diberi peluang untuk mendengar kata Kertas...

Dia telah cuba dan gagal. Walaupun... tak semuanya gagal...

Rabbul Alamin Maha Tahu. Maha Pencipta yang Adil lagi Kamil. Dia telah menggunakan kelebihanNya yang telah dianugerahkanNya untuk membuat sesuatu untuk KelompokNya. Dia ingin mendidik anak-anak Kelompok kerana mereka pembentuk masahadapan Kelompok. Nawaitunya jelas untuk membawa KelompokNya kearah kehidupan yang lebih bermakna, berteraskan kepatuhan yang sebenar kepada Rabb Yang Esa.

Mungkin Kelompok Asing dapat menerimanya dengan pengalaman yang ada padanya kini... Mungkin Kelompok Asing dapat menghargainya... Selalunya, Kelompok Asing lebih maju dan berfikiran ke hadapan, lebih berani bereksperimen dengan sesuatu yang baru... Insan berbakat sepertinya selalunya diberi pingat, naik pangkat, bukan... disekat dan dicampak terus ...

Buat masa ini, dia bertaubat.

Walaupun terlambat.

GOLDEN POINT AWARD 2005

Dia ditendang keluar oleh Kelompoknya.

Pembentuk bangkit dan berdiri, mengibas-ibas tanah dari tangan dan muka.

*Aduh!*

Sebuah buku biru tebal melayang tepat ke wajahnya sebelum jatuh terburai. Pembentuk membongkok untuk mengutip kertas-kertas kajian dari tesisnya yang kini berlumur tanah.

*Ilaaahi, hanya Dikau Tahu Keluhan Hati....*

*Dia terus mengukir*

*menghakis ruang*

*kerohanian*

*yang kosong*

*memadati*

*segenap ruang*

*dengan*

*keindahan*

*hakiki...*

*Dengan limpahan*

*Nur KasihNya jua...*

*Biarpun,*

*akhirnya,*

*yang menghayati*

*ciptareka*

*dirinya sendiri*

*Biarlah....*

*...bukankah*

*Ukiran*

GOLDEN POINT AWARD 2005

*sebenarnya*

*Cerminan*

*Pengukir jua?*

Pembentuk menjadi asing kerana kelainan ideologi hati.

Dia Orang Asing dalam Kelompok sendiri.

*(2955 perkataan)*